

RAFI MAMAT | BERITA HARIAN

**KEMUDAHAN PENDIDIKAN:** Universiti Malaysia Pahang, Gambang di DUN Lepar.

# Kemajuan DUN Lepar hasil perpaduan kaum

*Program pembangunan menyeluruh untuk semua penduduk termasuk OKU dan Orang Asli*

Menjelang
PILIHAN RAYA UMUM KE-12

Oleh Rafi Mamat

KUANTAN: Pembangunan yang tersusun serta peningkatan dalam bidang pendidikan berjaya dibuktikan oleh Barisan Nasional (BN) di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Lepar menerusi kepemimpinan Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman.

Sentuhan selama dua penggal berjaya membuktikan janji Tajuddin kepada rakyat sebelum ini ditunaikan dengan sebaik mungkin tanpa sebarang kesulitan.

Kemampuan pucuk pimpinan DUN Lepar itu diterjemahkan dengan peningkatan taraf hidup masyarakat, masing-masing di tujuh rancangan Felda dan taman perumahan termasuk enam kampung tradisional yang menikmati pelbagai kemudahan yang diperlukan.

Selain menerima rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT),



(JKKK), Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Rancangan (JKKR) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT).

Katanya, keharmonian dan muafakat antara kaum juga berjaya meletakkan DUN Lepar pada kedudukan terbaik apabila menerima jumlah undi terbanyak di peringkat negeri pada dua pilihan raya sebelum ini.

Program penyatuan antara kaum Melayu, Cina, India dan Orang Asli

**FAKTA**

**N18 Lepar**

Jumlah Pengundi: 11,840
Melayu: 8,810
Cina: 2,659
India: 317
Lain-lain: 63

**Keputusan Pilihan Raya 2004**

Jumlah pengundi (11,110)
Melayu: 71.24%
Cina: 24.53%
India: 3.02%
Lain: 1.22%

1. Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman (BN) 6,677

2. Rosli Abdul Jabar (Pas) 1,796

Majoriti: 4,881
Undi rosak: 136
Jumlah undi: 8,609
Peratus mengundi: 77.67

**1999: Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman (BN) Majoriti 4,175**